

LATAR BELAKANG

HUBUNGAN ANTARA KAUM

Kesan Dasar British

Pentadbiran

- Pentadbiran Barat di negara kita bermula dengan pengenalan Sistem Residen pada tahun 1874. Pentadbiran British memberi keutamaan kepada sektor ekonomi.
- Pekerja dibawa masuk dari luar untuk bekerja dalam sektor perlombongan, perladangan dan perdagangan.
- Kaum bumiputera pula bertumpu di kawasan luar bandar dan menjalankan kegiatan ekonomi tradisional.
- Keadaan ini menyebabkan mereka terpisah dan berlaku kerenggangan hubungan kaum.
- Masalah hubungan kaum yang renggang berterusan apabila negara kita mencapai kemerdekaan.
- Kerenggangan hubungan kaum juga menyumbang kepada tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Kegiatan ekonomi dan petempatan

- Pentadbiran British memberi tumpuan kepada perkembangan ekonomi yang berasaskan perlombongan bijih timah dan perladangan getah.
- Kegiatan ekonomi yang berbeza antara kaum menyebabkan pemisahan petempatan.
- Rakyat terpisah dengan petempatan yang wujud di kawasan perlombongan, bandar, estet dan perkampungan.
- Keadaan ini menyebabkan setiap kaum kurang berinteraksi antara satu sama lain dan mewujudkan jurang ekonomi yang tidak seimbang.

Sistem Pendidikan

- Dasar pentadbiran British menyebabkan terbentuknya sistem pendidikan vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris di negara kita.
- Sekolah-sekolah vernakular berkembang mengikut kaum masing-masing.
- Selepas negara mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan vernakular diteruskan.
- Pendidikan vernakular mewujudkan perbezaan pemikiran dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Fahaman Politik

- Fahaman politik yang berasaskan kaum bermula dengan penubuhan parti politik sebelum kemerdekaan hingga hari ini.
- Berikutan polarisasi kaum yang berpunca daripada perbezaan kegiatan ekonomi dan petempatan, parti politik ini memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing.
- Isu-isu yang diperjuangkan berkaitan dengan bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi kaum masing-masing.
- Keadaan ini mempengaruhi hubungan antara kaum di negara kita.